



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNSUR MOTIVASI MEMENUHI KEPERLUAN HIDUP DALAM KUMPULAN CERPEN P. SANTHIAGU

JAMUNA A/P MUNIANDY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada7.....(hari bulan).....SEP.....(bulan) 20.....21

i. Perakuan pelajar :

Saya, JAMUNA AIP MUNIANDY; N20192001546 ; BAHASA DAN KOMUNIKASI
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk Unsur Motivasi Memenuhi Keperluan Hidup
Dalam kumpulan Cerpen P. Santhiaguz Berdasarkan Teori ERG

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof.Madya Dr. Samikku Jabbamoney Ishak Samyel (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Unsur Motivasi Memenuhi
Keperluan Hidup Dalam kumpulan Cerpen P. Santhiaguz Berdasarkan
Teori ERG

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
Sarjana (Bahasa Tamil) (SLA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

7.09.2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: UNSUR MOTIVASI MEMENUHI KEPERLUAN
HIDUP DALAM KUMPULAN CERPEN P. SANTHRAU
BERDASarkan TEORI ERG
No. Matrik / Matic's No.: M20192001546
Saya / I: JAMUNA AIP MUNIANDY
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 7.09.2021

Catalan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

உள்ளவது எல்லாம் உயர்வுள்ளல் மற்றது
தன்னினும் தள்ளாமை நீர்த்து

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan penulisan kajian ini.

Saya amat bersyukur kepada yang Maha Esa kerana telah memberikan kesihatan yang baik sepanjang tempoh perlaksanaan kajian ini. Dengan berkat dan izinya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel yang telah menyelia penulisan distersi ini. Beliau telah memberi tunjuk ajar, kritikan dan cadangan yang membina dalam penulisan tesis ini. Sesungguhnya, segala panduan, pandangan dan saranan beliau menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga kajian ini sempurna dan pada masa-masa akan datang.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada suami saya Encik Elangovan A/L Muniandy, anak-anak saya E. Manusherji dan E. Harieswaar serta ahli keluarga saya yang telah banyak bersabar, memberi dorongan dan motivasi kepada diri saya dalam menjayakan kajian ini.

Terima kasih.





UNSUR MOTIVASI MEMENUHI KEPERLUAN HIDUP DALAM KUMPULAN CERPEN P. SANTHIAGU

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan bertahan hidup, sosial dan perkembangan diri watak, menganalisis unsur motivasi untuk memenuhi keperluan-keperluan tersebut dalam diri watak berdasarkan Teori Motivasi ERG serta menghuraikan keberkesanan motivasi yang dialami oleh watak-watak dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan teori motivasi ERG (*Existence, Relatedness, Growth*) yang dipelopori oleh Clayton Alderfer. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak sembilan watak memperlihatkan keperluan bertahan hidup, lapan wataku pula memperlihatkan keperluan sosial dan enam watak memperlihatkan keperluan perkembangan diri. Sementara itu, analisis motivasi watak berdasarkan teori motivasi ERG menunjukkan bahawa sebanyak 16 watak memperlihatkan kepuasan dalam memenuhi keperluan hidup dan terdorong untuk melangkah ke keperluan yang seterusnya. Manakala, empat watak memaparkan kekecewaan dan menghadapi kemunduran dalam usaha memenuhi keperluan hidup. Selanjutnya, tiga watak menunjukkan kepuasan dan pengukuhan dalam usaha memenuhi keperluan hidup. Dalam pada itu, motivasi yang diperlihatkan oleh 17 watak adalah berkesan untuk memuaskan keperluan hidup mereka, sementara itu tahap motivasi ini tidak berkesan pada enam watak. Ketidakberkesanan motivasi ini adalah disebabkan oleh faktor seperti usia, kesihatan dan sikap watak itu sendiri yang menghalang mereka mencapai keperluan yang diidamkan. Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat India di Malaysia masih bergelut untuk memenuhi keperluan bertahan hidup, sosial dan perkembangan diri dan masalah keperluan ini menghalang masyarakat India daripada menikmati hidup yang lebih selesa, sejahtera dan sempurna. Implikasinya, dapatan kajian ini dapat digunakan oleh individu dan masyarakat India dalam usaha meningkatkan motivasi memperbaiki status kehidupan.





MOTIVATIONAL ELEMENTS THAT FULFILL THE NEEDS OF LIVELIHOOD IN P. SANTHIAGU'S SHORT STORIES COLLECTION

ABSTRACT

This study aims to identify the survival, social and self-development needs of the characters, analyse the motivational elements to meet those needs in the characters based on ERG Motivation Theory and elaborate the motivational effects experienced by the characters in P. Santhiagu's short stories. This study is qualitative study using text analysis method based on ERG Motivation theory, (Existence, Relatedness, Growth) pioneered by Clayton Alderfer. The findings of the study show that nine characters exhibited existence needs, eight characters exhibited social needs and six characters exhibited self-development needs. Meanwhile, the analysis of characters' motivation based on ERG motivation theory show that total of 16 characters exhibited satisfaction in meeting the needs of life and were motivated to move on to the next level of needs, whereas four characters exhibit frustration and faced setbacks in their efforts to meet the needs of their life. Furthermore, three characters exhibited satisfaction and reinforcement in their efforts to meet their needs of life. Meanwhile, 17 characters exhibited motivation in satisfying their needs of life, even though motivation is not effective among other six characters. This ineffectiveness is due to factors such as age, health and attitude of the characters itself which preventing them from achieving their desired needs. In conclusion, the study shows that most Indians in Malaysia are still struggling to meet existence, social and self-improvement needs and the problems related to these needs prevent the community from enjoying a more comfortable, prosperous and perfect life. The implication is that, the findings of this study can be used by individuals and Indian community in their effort to increase motivation in improving their status in life.





KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISTERSI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK BAHASA MELAYU	v
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN KAJIAN	xiv
TRANSLITERASI	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pemasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Sumber Kajian	16
1.9 Definisi Operasional	19





1.9.1 Motivasi	19
1.9.2 Cerpen	20
1.9.3 Keperluan hidup	22
1.9.4 Existence	22
1.9.5 Relatednes	23
1.9.6 Growth	23
1.10 Kesimpulan	24

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Perkembangan Genre Cerpen	26
2.2.1 Cerpen Tamil India	27
2.2.2 Cerpen Tamil Malaysia	28
2.3 Motivasi	33
2.3.1 Motivasi Intrinsik	36
2.3.2 Motivasi Ekstrinsik	37
2.4 Keperluan Hidup	38
2.5 Sorotan Literatur	41
2.5.1 Kajian Berkaitan Cerpen Tamil Malaysia	41
2.5.2 Kajian Berkaitan Teori ERG Alderfer Clayton	59
2.6 Kesimpulan	69

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	70
----------------	----





3.2 Reka Bentuk Kajian	71
3.3 Kerangka Kajian	73
3.4 Kaedah Kajian	74
3.4.1 Kaedah Kepustakaan	74
3.4.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks	75
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	76
3.5.1 Membaca Data	76
3.5.2 Membahagi Data	77
3.5.3 Menganalisis Data	77
3.6 Kaedah Menganalisis Data	78
3.7 Instrumen Kajian	78
3.8 Teori Kajian	80
3.8.1 Teori Motivasi	81
3.8.2 Teori Motivasi Abraham Maslow	83
3.8.3 Teori Motivasi E.R.G.	91
3.9 Kerangka Teori	96
3.10 Kesimpulan	96

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	98
4.2 Keperluan	99
4.2.1 Keperluan Bertahan Hidup (<i>Existence</i>)	101





4.2.1.1 Makan, Minum, Pakaian	101
-------------------------------	-----

4.2.1.2 Tempat Tinggal	118
------------------------	-----

4.2.1.3 Rasa Aman	133
-------------------	-----

4.2.2 Keperluan Sosial (<i>Relatness</i>)	158
---	-----

4.2.2.1 Keluarga	159
------------------	-----

4.2.2.2 Hubungan Intim	172
------------------------	-----

4.2.2.3 Interaksi Sosial	181
--------------------------	-----

4.2.2.4 Penghargaan diri dan orang lain	183
---	-----

4.2.3 Keperluan Perkembangan Diri (<i>Growth</i>)	193
---	-----

4.2.3.1 Pendidikan	194
--------------------	-----

4.2.3.2 Kerjaya	211
-----------------	-----

4.2.3.3 Peluang Perkembangan diri	217
-----------------------------------	-----

4.3 Kesimpulan	229
----------------	-----

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	230
----------------	-----

5.2 Rumusan Dapatan Kajian	231
----------------------------	-----

5.2.1 Keperluan Bertahan Hidup (<i>Existence</i>)	239
---	-----

5.2.2 Keperluan Sosial (<i>Relatness</i>)	242
---	-----

5.2.3 Keperluan Perkembangan Diri (<i>Growth</i>)	246
---	-----

5.3 Implikasi Kajian	248
----------------------	-----

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	250
------------------------------	-----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

5.5 Kesimpulan

252

Rujukan

253



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

3.1	Kerangka Kajian	73
3.2	Model Hierarki Keperluan Maslow	84
3.3	Teori Keperluan ERG Alderfer	93
3.4	Kerangka Teori	96





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Bilangan Kes keganasan rumahtangga masyarakat India dan sebab-sebab berlakunya keganasan rumahtangga Tahun 2009-2018	9
1.2 Kumpulan Cerpen yang dipilih bagi tujuan penyelidikan	17
3.1 Keperluan Berdasarkan Teori ERG Alderfer	79
3.2 Menganalisis Unsur Motivasi Dalam Memenuhi Keperluan Hidup	79
3.3 Keberkesanan Motivasi Dalam Kalangan Watak	80
5.1 Analisis Berdasarkan Keperluan	232
5.2 Analisis Motivasi Berdasarkan Keperluan	235
5.3 Analisis Keberkesanan Motivasi Berdasarkan Keperluan	238
5.4 Analisis Watak Berdasarkan Keperluan Bertahan Hidup, (<i>Existence</i>)	239
5.5 Analisis Watak Berdasarkan Keperluan Sosial, (<i>Relatness</i>)	242
5.6 Analisis Watak Berdasarkan Keperluan Perkembangan diri (<i>Growth</i>)	246





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI SINGKATAN

ERG - *Existence, Relatedness, Growth*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஓ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஏ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஓா	:	<i>au</i>

CONSONANTS

க்	:	<i>k</i>	ங்	:	<i>n̤</i>	ஞ்	:	<i>y</i>
ச்	:	<i>c</i>	ஞ்	:	<i>ñ</i>	ற்	:	<i>r</i>
ஞ்	:	<i>t̤</i>	ஞ்	:	<i>n̤</i>	ள்	:	<i>l</i>
ட்	:	<i>t̤</i>	ங்	:	<i>n</i>	ங்	:	<i>v</i>
ப்	:	<i>p</i>	ங்	:	<i>m</i>	ங்	:	<i>l̤</i>
ற்	:	<i>r̤</i>	ங்	:	<i>n̤</i>	ங்	:	<i>l̤</i>

SANSKRIT LETTERS

ং	:	<i>J</i>	ঁ	:	<i>s</i>
ঃ	:	<i>ʂ</i>	কঃ	:	<i>ks</i>
ঃ	:	<i>H</i>			





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Kesusasteraan merupakan cabang seni yang telah wujud dalam peradaban manusia sejak ribuan tahun. Oleh itu, sastera merupakan wadah yang mencerminkan peradaban sesuatu bangsa. Sastera tidak ketinggalan dalam mencatatkan budaya, bahasa dan nilai peradaban bangsa. Sastera turut menjadi sumber rujukan generasi muda. Adakalanya ia menjadi suara penulis terhadap kedudukan sesuatu masyarakat (Hadijah Rahmat, 1991).

Seterusnya Hamdani (2019), beranggapan bahawa kesusasteraan ialah segala hasil ciptaan manusia melalui bahasa yang bersifat seni. Sebagai hasil seni, maka ciri utamanya mengandungi unsur-unsur emosi, imaginasi dan budi. Unsur-unsur ini dijadikan panduan penulis dalam menyampaikan pernyataan-pernyataan fikiran,





perasaan, harapan, cita-cita dan impian serta hubungan manusia dengan masyarakat atau dunia persekitarannya. Justeru itu dalam hasil kesusasteraan akan terlihat kecenderungan pengarang mengungkapkan pengalamannya tentang hidup dan kehidupan, manusia dan kemanusiaan, serta kebenaran dan kejujuran sebagai keindahan hidup yang sempurna dan abadi.

Sementara itu, Jaafar. S, (1986) dalam bukunya memetik kata-kata Usman Awang, bicara tentang sastera, tidak lain daripada bicara tentang manusia. Dan berbicara tentang manusia, bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batinnya; suka dukanya, marah bencinya; kecewa hampanya; sedih rawannya dengan segala sifat-sifat yang merangkuminya; baik jahatnya, kejam buruknya, budi mulianya, takut beraninya, lemah gagahnya dan sebagainya lagi. Dan segala ini dipengaruhi oleh corak dan sistem ekonomi politik yang merantai melingkungi mereka, yang memberi pengaruh pula kepada hasil seni, termasuklah penciptaan sastera.

Menurut Ali Ahmad (1994), Kesusasteraan merupakan alat yang penting selaku penyampai ilmu pengetahuan, penyubur daya kreatif dan imaginatif, alat menghidupkan semangat, alat untuk menyerapkan nilai-nilai rasa dan sebagainya. Kesusasteraan dipercayai akan mampu mendorong satu pembentukan peribadi yang halus dan mulia, serta mampu mengukir watak-watak manusia yang boleh berfikir dan bertindak secara matang.

Manakala Othman Puteh (2001), pula menyimpulkan kesusasteraan sebagai susunan kalimah yang mengongkong peristiwa-peristiwa. Dalam pada itu,





kesusasteraan bukan sahaja mengutamakan cita rasa, cita-cita tinggi mahupun imaginasi malah corak kehidupan dan realitinya kini mendapat sambutan (Kalamany.T,2018).

Memandangkan tugas dan fungsinya yang amat luas dan pelbagai itu, kesusasteraan dianggap sebagai wadah untuk menyampaikan perasaan, pemikiran, idea, kritikan, keinginan, harapan, protes, motivasi dan keperluan hidup. Justeru, pengkaji ingin mengkaji unsur motivasi memenuhi keperluan hidup dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu. Bab ini akan memperbincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan kepentingan serta batasan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian



Bidang kesusasteraan merupakan wahana yang memerihalkan liku kehidupan, memberi penyelesaian, penyampai ilmu pengetahuan, sebagai alat menyemarakkan semangat dan sumber untuk menyerapkan nilai moral. Cerpen merupakan genre sastera yang paling popular. Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka cerpen ialah cerita berdasarkan fakta di campur dengan imaginasi. Disebabkan cerpen ditulis berdasarkan fakta maka ia mengandungi mesej yang ingin disampaikan supaya apabila dibaca ianya boleh direnung dan difikir serta dijadikan panduan. Pandangan yang di ketengahkan oleh bidang kesusasteraan kini lebih menyeluruh mengenai kehidupan masa kini dan menyokong perubahan-perubahan dalam masyarakat mengikut peredaran masa (Meenakshi Sundaram, 2003).





Kesusasteraan turut berfungsi sebagai alat perakam sosial. Ia merakam segala apa yang berlaku dalam masyarakat, sama ada tentang kebaikan, keburukan mahupun tentang keadilan (Arba’ie Sujud, Liliy Salwani Razali & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2011). Justeru itu, kesusasteraan Tamil telah merakam penderitaan dan dugaan masyarakat India atau lebih tepat suku Tamil di Malaysia dengan tekun dan prihatin. Rakaman ini membolehkan pembaca melakukan perbandingan, mencari akar dan jati diri serta menjadikan pedoman. Tanpa sastera sebahagian besar daripada sejarah bangsa India Malaysia tidak mungkin dicapai oleh generasi muda abad ini.

Dalam pada itu, cerpen-cerpen Tamil di Malaysia secara keseluruhannya menggambarkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India untuk memenuhi keperluan asas dalam bertahan hidup serta usaha-usaha dalam memenuhi

keperluan hidup termasuklah cerpen-cerpen P. Santhiagu yang memaparkan watak-watak yang berusaha keras dalam memenuhi keperluan hidupnya. Cerpen-cerpen ini secara tidak langsung memberikan pengajaran dan teladan dan paling pentingnya menjadi medium untuk mendorong serta meningkatkan motivasi kepada pembaca. Mohd Salleh Lebar (1994), menyimpulkan bahawa bidang sastera tempatan memperihalkan tingkah laku manusia, meramalkan tingkah laku manusia, mengawal tingkah laku manusia dan akhir sekali membentuk serta mempengaruhi tingkah laku manusia. Ini jelas menunjukkan bidang kesusasteraan tempatan menjadi motivasi kepada pembacanya.

Sementara itu, aspek keperluan merupakan asas dalam perkembangan individu mahupun masyarakat yang seimbang. Ketidakseimbangan dalam memenuhi keperluan ini mendatangkan kesan kepada individu dalam kehidupan harian. Ini turut akan mempengaruhi emosi dan perkembangan individu. Motivasi merupakan pemangkin





bagi seseorang dalam usaha mencapai kehendaknya. Motivasi mendorong individu bertindak untuk mencapai keperluan, keinginan dan cita-cita. Sastera memainkan peranan yang penting dalam menyemarakkan unsur motivasi dalam kalangan pembaca. Rajendran (2000), dalam artikelnya menyatakan bahawa kesusteraan mampu membina dan menyuburkan wawasan terhadap perlakuan manusia.

Teori motivasi ERG dipelopori oleh Clayton Alderfer. Teori motivasi ini mengemukakan tiga keperluan manusia. Iaitu, *E- Existence* atau keberadaan iaitu keperluan untuk bertahan hidup yang mencakupi makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan rasa aman. Seterusnya *R- relatedness* atau hubungan iaitu keperluan sosial. Keperluan sosial meliputi mempunyai keluarga, sahabat, hubungan intim, interaksi sosial dan penghargaan diri serta orang lain. Akhir sekali *G- growth* atau pertumbuhan iaitu keperluan perkembangan diri adalah ingin menjadi seperti yang diidamkan.



1.3 Permasalahan Kajian

Kadar kemiskinan yang tinggi adalah cabaran terbesar yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini. Akses kepada rumah mampu milik adalah mimpi yang tidak tercapai pada mereka, di mana hanya segelintir mampu memiliki rumah sendiri berbanding etnik lain di Malaysia. Ada segelintir yang masih tidak mendapat perkhidmatan kesihatan yang diperlukan (Janakey Raman, 2011).



S., M. Mohamed Idris (1985), dalam bukunya yang bertajuk '*Malaysian Consumers and Development*' mendekati masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat India di ladang. Menurut beliau,

'In poor kampongs and estates, children suffer from malnutrition and families still lack proper water, sanitation, lighting and housing facilities due to the shortage of land and the exploitation by middlemen and money lenders, the real incomes of many farmers remain low and they are caught in vicious cycle of poverty and indebtedness'

(S., M. Mohamed Idris, 1985 pp124)

Kenyataan ini menjelaskan situasi yang berlaku di kampung dan perladangan. Masyarakatnya hidup dalam kemiskinan, anak-anak peladang menderita kerana kekurangan zat makanan dan mereka masih menghadapi masalah unuk mendapatkan bekalan air bersih, tiada kemudahan air, sanitasi, bekalan elektrik dan perumahan yang selesa. Buruh-buruh di ladang dieksplotasi oleh orang tengah disamping pendapatan yang sangat rendah. Generasi ke generasi mereka hidup dalam kemiskinan dan hutang.

Jagathasan Naidu (1995), juga tidak ketinggalan dalam membincangkan isu kemiskinan dalam masyarakat India di Suvarna Bumi ini. Beliau merujuk Majlis Perundangan ekonomi negara para 32 yang menyatakan;

"Pada keseluruhannya kaum India kurang sekali mendapat manfaat daripada peningkatan ekonomi. Mereka telah jauh ketinggalan dalam pelbagai sektor seperti guna tenaga, pendidikan, perdagangan dan perindustrian. Kadar pengangguran mereka adalah tinggi. Manakala, kadar pencapaian pendidikan sungguh rendah. Demikian juga dengan penyertaan ekuiti mereka yang telah terhenti pada kadar 1.0% sejak tahun 1970. Majoriti dari tenaga buruh India didapati berada dalam sektor perladangan dimana suasana pekerjaan dan mutu hidup amat tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di sektor perladangan juga amat tinggi. Perkembangan kemahiran keusahawanan juga rendah. Rancangan masa depan perlu mengambil kira penyertaan kaum India dan kaum minoriti yang lebih bermakna dalam semua bidang."

(Jagathasan, 1995 pp48)



Rujukan ini sangat menjelaskan masalah kemiskinan yang dialami oleh masyarakat India yang bekerja sebagai buruh di ladang-ladang. Dasar pecah dan perintah semasa kedudukan British membawah padah kepada pekerja ladang. Kebanyakkan ladang yang terletak di kawasan pedalaman menyebabkan masyarakat ladang terputus hubungan dengan luar. Mereka ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Sementara itu, ketidakstabilan keluarga turut merupakan permasalahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat India. Indeks kesejahteraan keluarga mencatatkan ibu bapa masyarakat India mencapai prestasi yang paling rendah berbanding etnik-etnik lain di negara ini. Selain itu, kadar penglibatan jenayah seperti gangsterisme, alkoholisme dan penyalahgunaan dadah di kalangan belia masyarakat India berada pada aras yang membimbangkan (Janakey Raman, 2011).



Seterusnya, M. Elangko (2015) melalui kajian bertajuk Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000) menjelaskan dasar kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat India adalah kurang berjaya. Ini menyebabkan kaum minoriti India ketinggalan jauh dalam aspek kehidupan berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

Manakala, Azaharudin, (2016) dalam bukunya bertajuk sejarah Masyarakat India di Malaysia merujuk kepada artikel yang ditulis oleh C.S Kuppuswamy bertarikh 28 Februari 2003,

di sebalik jumlah masyarakat India yang merupakan kira-kira 8% dari jumlah masyarakat Malaysia, mereka hanya memiliki kurang dari 2%





kekayaan negara, membentuk 14% dari masalah remaja, 20% penganiayaan isteri dan kanak-kanak dan 41% peminta sedekah. Orang India juga hanya membentuk kurang dari 5% daripada jumlah penuntut universiti dan kisah masyarakat India merupakan kisah malang yang berlaku sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957.

(Azaharudin, 2016)

Beliau juga menyatakan bahawa sebab-sebab berlakunya situasi sebegini.

Ketika di awal kemerdekaan, masyarakat ladang tidak benar-benar mengetahui perkembangan yang berlaku mengenai status mereka. Berbanding sebahagian orang India yang berpendidikan yang tinggal di kawasan bandar yang peka dengan perkembangan semasa, sebahagian besar masyarakat India tinggal di kawasan ladang, terpencil dan tidak menerima pendedahan luar. Ini menyebabkan mereka tidak menerima taraf kewarganegaraan. Keadaan ini kemudian telah meninggalkan kesan jangka panjang apabila mereka sukar mendapat pekerjaan, persekolahan dan sebagainya.

(Azaharudin, 2016)

Penulis artikel ini sememangnya dengan jelas membincangkan masalah yang dihadapi

oleh masyarakat India di Malaysia. Masyarakat India terus kekal menghadapi cabaran dan dilema di Swarnabumi ini. Menurut M. Nadarajah (2000), dalam artikelnya bertajuk “*Marginalisation, not Tamil movies, the cause of violence*” mengatakan bahawa;

anak muda masyarakat India yang berpendidikan di Malaysia tidak mempunyai pilihan pekerjaan yang luas seperti kaum-kaum lain, sekolah aliran Tamil kini hanya menjadi pilihan golongan masyarakat India yang miskin, penggunaan bahasa Tamil adalah hanya terhad dalam kawasan yang kecil, warga negara yang membawa kemasyhuran kepada negara tidak diperlakukan sebagai “pahlawan negara” dan telah menemui kesukaran untuk dikenali atau dihargai sebagai satu.

Tambah beliau,

Ordinary Tamils/Indians Malaysians have an uphill task to deal with in relation to their poverty and marginalised status.





Menurutnya, masyarakat India di Malaysia mempunyai tugas yang berat untuk ditangani berkaitan dengan kemiskinan dan status mereka yang terpinggir. Ini jelas menunjukkan masyarakat India di Malaysia mempunyai tugas yang berat di bahu mereka, iaitu mengharungi masalah kemiskinan dan mengubah nasib mereka di negara ini. Disamping itu, laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk tempoh masa 2009 hingga 2018 menyajikan kes keganasan rumahtangga dalam kalangan masyarakat India berserta sebab-sebab berlakunya keganasan rumahtangga bagi tahun 2009 hingga 2018.

Jadual 1.1

Bilangan Kes keganasan rumahtangga masyarakat India dan sebab-sebab berlakunya keganasan rumahtangga Tahun 2009-2018



Sebab-sebab Berlaku	Tahun									
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Campurtangan mertua	9	9	6	7	7	5	10	3	7	4
Kaki botol	26	25	29	24	18	23	29	21	23	23
Kaki judi	3	0	8	5	3	4	1	1	5	2
Masalah kewangan	12	10	8	9	7	18	17	22	32	4
Tekanan jiwa	1	0	3	0	1	0	5	1	8	0
Tekanan ditempat kerja	1	2	0	0	1	2	2	2	4	0
Menganggur	2	1	2	7	3	3	2	2	0	1
Perhubungan luar nikah	10	15	16	14	2	6	6	5	2	6
Panas Baran	-	-	-	-	15	26	42	38	23	23
Penagih dadah	1	5	14	4	6	15	11	5	10	5
Perebutan hak penjagaan anak	6	3	3	7	6	1	7	6	6	0
Perselisihan faham	30	37	52	39	5	27	35	18	19	9
Kehilangan pekerjaan	3	1	1		2	3	2	0	2	0
Lain-lain	9	21	23	21	13	40	41	65	76	38
Jumlah	116	136	174	147	89	173	210	189	217	128

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009 hingga 2018.





Jadual 1.1 menunjukkan bilangan kes keganasan rumah tangga masyarakat India dan sebab-sebab berlakunya keganasan rumah tangga dari tahun 2009-2018. Pelbagai isu telah dikenal pasti sebagai penyebab keganasan rumah tangga. Kemungkinan sebab-sebab berlakunya keganasan rumah tangga ini mempunyai kaitan dengan kegagalan dalam memenuhi keperluan hidup. Berita Harian bertarikh 2, Januari 2020 menyatakan artikel bertajuk kemiskinan ada kaitan keganasan rumah tangga (Berita Harian Online, 2020). Manakala, mengikut Saravanan Anna malai (2018), peredaran zaman telah menjadi cabaran kepada manusia dalam memenuhi keperluan hidup masing-masing. Kehidupan zaman moden ini telah menjadi lebih kompleks di mana selain daripada keperluan asas, wang dan kebendaan telah menjadi pertaruhan hidup. Manusia tidak pernah puas dengan apa yang dimilikinya maka mereka sanggup mempertaruhkan etika semata-mata untuk mengejar impian dan mencapai kehidupan materialistik yang

menjadi keutamaan hidup zaman ini.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Melalui pernyataan masalah yang dibincangkan di atas, didapati kesejahteraan sosial yang stabil amat penting dalam komuniti untuk merealisasikan potensi kehidupan sosial mereka. Wahab, Haris Abd. (2010), dalam artikelnya bertajuk Kesejahteraan Sosial Dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan Dan Indikator merujuk Midgley yang mendefinisikan kesejahteraan sosial sesebuah komuniti ditentukan oleh tiga aspek, iaitu: pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan peluang mobiliti sosial dalam masyarakat. Dalam konteks masyarakat India, masalah sosial dan kekurangan motivasi menyebabkan mereka gagal mencapai keperluan yang lebih tinggi. Walaupun setiap individu dalam masyarakat India inginkan sebuah kehidupan yang sempurna, namun ia gagal dicapai. Gambaran inilah yang ingin ditonjolkan dalam karya-karya tempatan.





Kajian yang bertajuk Unsur Motivasi Memenuhi Keperluan Hidup dalam Kumpulan Cerpen P. Santhiagu merupakan satu usaha untuk mengenalpasti unsur motivasi yang ditonjolkan dalam karya sastera tempatan. Sememangnya, kajian ini mempunyai kelainan jika dibandingkan dengan kajian-kajian yang terdahulu. Kebanyakan kajian terdahulu hanya berkisar kepada watak, humanisasi, imanipasi, plot, struktur dan sebagainya menggunakan teori-teori sosiologi. Kajian ini pula menggunakan pendekatan teori psikologi dalam kritikan sastera. Kajian ini berusaha meninjau dan menganalisis unsur motivasi yang menghidupkan dan membolehkan watak-watak dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu menyelusuri kehidupan dengan tabah dengan menggunakan pendekatan psikologi iaitu Model E.R.G oleh Clayton Alderfer.



Pengkaji memilih 25 cerpen P. Santhiagu bertujuan meninjau unsur motivasi dalam memenuhi keperluan seperti yang digariskan oleh Clayton Alderfer. Oleh yang demikian, kajian ini menjurus kepada objektif-objektif berikut:

- I. Mengenal pasti keperluan bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri watak dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu.
- II. Menganalisis unsur motivasi dalam memenuhi keperluan bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri watak berdasarkan teori motivasi ERG oleh Clayton Alderfer.
- III. Menghuraikan keberkesanan motivasi yang dialami oleh watak-watak dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu.





1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- I. Apakah keperluan hidup yang ditonjolkan oleh watak-watak dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu.
- II. Bagaimanakah unsur motivasi membolehkan watak dalam memenuhi keperluan bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri berdasarkan teori motivasi ERG oleh Clayton Alderfer.
- III. Adakah motivasi yang dialami oleh watak-watak dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu berkesan.

1.6 Kepentingan Kajian



Cerpen ialah wadah yang istimewa dan efektif dalam menggambarkan aliran pemikiran dan citarasa sesuatu masyarakat pada sesuatu zaman. Diharap kajian ini dapat mempelbagaikan corak kajian terhadap sastera Tamil dan menyingkap pemikiran dan kreativiti pengarang. Oleh itu, kumpulan cerpen P. Santhiagu dipilih bagi meneliti, mengenal pasti, menganalisis dan mengkaji unsur motivasi dalam kehidupan masyarakat India dalam memenuhi kepeluan bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri. Kajian ini memberi tumpuan terhadap kumpulan cerpen P. Santhiagu yang menggambarkan realiti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat India.

Kajian ini membolehkan pembaca turut membina motivasi dalam menghadapi cabaran hidup dan dapat memupuk ilmu, kemahiran serta nilai supaya tabah





menghadapi rintangan hidup. Kajian ini juga dijalankan untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca khususnya kepada generasi muda tentang kehidupan masyarakat India dalam memenuhi keperluan bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri.

Di samping itu, kajian ini membolehkan pembaca memahami faktor-faktor yang menghalang kemajuan diri dan masyarakat dalam mencapai kehidupan sejahtera, bahagia dan sempurna. Pemahaman tentang aspek motivasi mampu menggerakan mereka berusaha memuaskan keperluan yang diperlukan untuk menaiki tangga kehidupan agar dapat menikmati kehidupan yang sempurna dan bahagia. Oleh itu, pengkaji yakin bahawa hasil dapatan kajian ini dapat membantu mencetuskan kesedaran dalam kalangan pembaca tentang kepentingan unsur motivasi dalam



Sementara itu, kajian ini dapat mengenal pasti unsur motivasi yang tersedia ada dalam sastera Tamil. Memandangkan kajian yang membincangkan unsur motivasi seumpama ini terhad di Malaysia, maka pengkaji ingin mengisi kelompong ini dengan membuat penyelidikan tentang unsur motivasi yang diperlihatkan oleh watak dalam karya cerpen P. Santhiagu. Oleh itu, hasil kajian ini juga memberi ruang kepada para pengkaji masa depan ketika melakukan penyelidikan susulan berteraskan cerpen-cerpen Tamil di Malaysia. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi ruang kepada peminat dan pencinta sastera Tamil di Malaysia untuk menilai dan memahami kedudukan cerpen-cerpen Tamil sebagai hasil karya sastera yang memiliki fungsi dan peranannya tersendiri. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan sumber maklumat dan hasil dokumentasi yang bermanfaat kepada peminat sastera Tamil di negara ini.





Secara keseluruhannya, masyarakat India di Suvarna bumi ini masih gagal memenuhi keperluan hidup (Janakey Raman, 2011). Oleh itu, kajian akan memberi motivasi dalam memenuhi keperluan hidup.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian sangat penting bagi memastikan supaya kajian yang dilakukan menuju ke hala tuju tepat tanpa keluar daripada tajuk perbincangan. Dalam tesis ini, pengkaji memberi tumpuan kepada aspek motivasi dalam kalangan watak kumpulan cerpen P. Santhiagu, (2011). Pengkaji cuba menganalisis unsur-unsur motivasi yang diperlihatkan oleh watak-watak dalam memenuhi keperluan. Dengan ini, pengkaji boleh mengenal pasti ruang lingkup yang jelas, teratur dan tepat supaya tidak terpesong daripada persoalan yang menjadi asas kajian.

Kajian ini dibataskan kepada genre cerpen Tamil di Malaysia. Terdapat 25 cerpen yang dibukukan oleh cerpenis P. Santhiagu. Cerpen-cerpen yang terdapat dalam kumpulan ini tidak disusun mengikut tahun. Cerpen-cerpen yang dikarang pada tahun-tahun yang berlainan dijadikan dalam satu kumpulan cerpen. Kesemua cerpen telah dipilih bagi tujuan penyelidikan ini. Hal ini berikutan kesemua cerpen dalam koleksi ini menggambarkan masyarakat yang berusaha memenuhi keperluan masing-masing dalam pelbagai usaha demi kehidupan yang lebih baik. Jadual 1.2 menunjukkan senarai kumpulan cerpen yang dipilih bagi tujuan penyelidikan ini.





Dari segi teori kajian, teori motivasi ERG oleh Clayton Alderfer yang mencakupi tiga peringkat keperluan iaitu keperluan bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri akan memandu pengkaji untuk meneliti unsur motivasi yang terpapar dalam cerpen-cerpn yang dikaji. Pengkaji akan memfokuskan kajian ini kepada tiga keperluan ini yang penting untuk melahirkan manusia, keluarga dan masyarakat yang sempurna. Dalam meneliti dan menganalisis keperluan bertahan hidup iatu, makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan rasa aman sahaja diberi fokus. Ini adalah kerana ia merupakan keperluan asas untuk meneruskan hidup seseorang individu atau masyarakat. Seterusnya, keperluan sosial diteliti dan dianalisis berdasarkan keluarga, sahabat, hubungan intim, interaksi sosial, penghargaan diri dan penghargaan orang lain dikaji. Ini berikutan keperluan sosial adalah penting untuk menjamin kesejahteraan seseorang individu dan masyarakat. Akhir sekali, keperluan perkembangan diri akan diteliti dari segi keinginan menjadi seperti diidamkan penting ia akan memberi kepuasan dalam segala pencapaian. Memenuhi ketiga-tiga keperluan ini akan menjamin kesempurnaan hidup seseorang individu.

Teori motivasi ERG Alderfer merupakan teori keperluan yang membincangkan tiga keperluan manusia, *Existence, Relatedness dan Growth*. *Existence* iaitu keperluan bertahan hidup, *Relatedness* iaitu keperluan sosial dan *Growth* iaitu keperluan perkembangan diri. Teori Motivasi ERG adalah berbeza berbanding teori-teori keperluan lain. Antaranya, keperluan yang disenaraikan adalah tidak berperingkat dan lebih dari satu keperluan akan berjalan seiring pada masa yang sama. Kelebihan teori ini menyebabkan ia dipilih untuk dijadikan teori kajian dalam mengenal pasti unsur motivasi memenuhi keperluan hidup dalam kumpulan cerpen P. Santhiagu dan menjawab persoalan kajian.





1.8 Sumber Kajian

Data didefinisikan sebagai butir atau maklumat yang diketahui atau telah dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas untuk membuat kajian (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Oleh itu data ialah satu penunjuk yang sangat penting dalam sesebuah penyelidikan. Data menjadi asas kepada seorang pengkaji untuk membuat penjelasan, huraian dan merumuskan tentang fenomena yang dikaji. Secara amnya, data dibahagikan kepada dua kategori, iaitu sumber primer (*primary data*) juga dikenali sebagai data utama dan data sekunder (*secondary data*) turut dikenali sebagai data kedua. Pengkaji akan menjelaskan kedua-dua sumber itu secara terdekat.

1.8.1 Sumber primer



Dalam kajian ini, 25 lima cerpen karya P. Santhiagu akan dijadikan sumber primer. Kesemua cerpen ini adalah hasil nukilan cerpenis P.Santhiagu yang ditulis dalam masa yang berbeza-beza tetapi dibukukan pada tahun 2011. Senarai judul cerpen yang dijadikan sumber primer disenaraikan dalam Jadual 1.2. Selain itu, teori motivasi *E.R.G* turut digunakan sebagai sumber primer. Teori ini dipelopori oleh Clayton Alderfer pada tahun 1972.





Jadual: 1.2

Kumpulan cerpen yang dipilih bagi tujuan penyelidikan ini.

Bil.	Judul Cerpen	Halaman
1	<i>Inimel</i> (Selepas ini)	1-4
2	<i>Puyalukul oru thendral</i> (Bayu dalam ribut)	5-8
3	<i>Keezh vaanam</i> (Langit yang rendah)	9-14
4	<i>Viyarvaiyin vithai</i> (Hasil Titih Peluh)	15-19
5	<i>Valvin ellai</i> (Sempadan hidup)	20-23
6	<i>Mudivilla thedal</i> (Pencarian yang tidak berakhir)	24-28
7	<i>Palaiya viluthu</i> (Benih Tua)	29-32
8	<i>Karapan puchi</i> (<i>Lipas</i>)	33-37
9	<i>Samakkarakarum Vetrilai Kodiyum</i> (Samakkar dan Pokok sireh)	38-42
10	<i>Ella Unjalum Sugam Kodupathillai</i> (Bukan Semua Buain menyeronokan)	43-48
11	<i>Aval mattum therigiral</i> (Hanya Dia Kelihatan)	49-52
12	<i>Ekamparamum Sanigrahamum</i> (Ekamparam Dan Planet Zuhal)	53-57
13	<i>Mulaitha Vithai</i> (Benih yang Bercambah)	58-62
14	<i>Siraipadum Cithukuruvikal</i> (Burung Pipih yang terperangkap)	63-66
15	<i>Antharanga Asthamanam</i> (<i>Senja yang senyap</i>)	67-70
16	<i>Mudivilla Thodakam</i> (Permulaan tanpa pengakhiran)	71-75
17	<i>Athirchi</i> (Kejutan)	76-80
18	<i>Manathil Uraiyum Paampugal</i> (Ular yang terbeku dalam hati)	81-84
19	<i>Thulirvidum Manangal</i> (Hati berputik)	85-88
20	<i>Moondru Kadithangal</i> (Tiga pucuk surat)	89-92
21	<i>Vidial</i> (Subuh)	93-98
22	<i>Eppothum Soorian</i> (<i>Matahari senantiasa Bersinar</i>)	99-103
23	<i>Nerupu Suvasathin Asthamanam</i> (<i>Senja pada Nafas yang membara</i>)	104-109
24	<i>Thoduvanam</i> (<i>Langit dicapai</i>)	110-115
25	<i>Sakunam</i> (<i>Nasib</i>)	116-121



Pengkaji akan menganalisis 25 cerpen P. Sathiagu dan memilih cerpen-cerpen yang memperlihatkan unsur motivasi dalam mencapai pelbagai aspek keperluan hidup seperti yang diutarakan oleh Clayton Alderfer. Selain itu, unsur motivasi akan diteliti





berdasarkan watak-watak dalam setiap cerpen yang dikaji itu. Oleh itu, pengkaji mampu membandingkan watak-watak utama dan sampingan ketika menganalisis dan menghuraikan unsur motivasi yang mendasari setiap watak utama itu.

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder (*secondary data*) atau data kedua adalah data-data yang digunakan untuk membantu mengukuhkan penjelasan dan penghuraiaan yang akan dibuat berdasarkan data yang diperolehi dalam sumber primer.

Oleh kerana kajian ini adalah kajian kepustakaan, maka buku-buku ilmiah, jurnal, majalah-majalah dan artikel-artikel serta distersi Sarjana, distersi Sarjana Doktor Falsafah yang diterbitkan turut dijadikan sebagai rujukan. Sumber perpustakaan dan internet juga telah digunakan secara luas disepanjang kajian ini.

Rujukan ini akan membantu pengkaji untuk membuat tafsiran dan huraian tentang definisi konsep dan istilah berkaitan dengan unsur motivasi serta meneliti pendapat sarjana-sarjana dalam bidang kesusasteraan dan motivasi agar pengkaji mengerti dan menyelami tajuk kajian ini secara lebih mendalam.

Selanjutnya, pengkaji juga mengumpulkan bahan-bahan sokongan dan data-data dari buku-buku ilmiah, jurnal, artikel, laporan-laporan pihak berkuasa, dokumen-dokumen berkaitan serta laman web sebagai sumber rujukan bagi tujuan menganalisis data-data yang diperolehi melalui usaha menjawab kesemua persoalan kajian yang sedang dilakukan. Secara tepatnya pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan





secara meluas dalam usaha mengumpulkan pelbagai data sekunder untuk menyokong data primer serta sekali gus menjayakan kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional atau istilah membawa maksud penguraian makna dengan cara mengukur gagasan yang khusus dalam konteks kajian sahaja. Penguraian ini bermaksud istilah yang digunakan untuk memudahkan perbincangan dilakukan selaras dengan objektif. Oleh itu beberapa frasa akan didefinisikan dan diuraikan. Frasa-frasa ini akan digunakan sepanjang kajian ini dalam istilah yang telah dinyatakan.

1.9.1 Motivasi



Motivasi berasal daripada perkataan Latin *move* iaitu *to move*. Manakala Kamus Bahasa Inggeris, Oxford mentakrifkan motivasi sebagai sebab di sebalik sesuatu tindakan atau tingkah laku seseorang individu. Kamus Dewan pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorong untuk berusaha melakukan sesuatu bagi mencapai kejayaan (Kamus Dewan, 1991). Motivasi juga didefinisikan sebagai keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku secara negatif atau positif. Hal ini merupakan keadaan yang menggerak dan mengawal tingkah laku ke arah pencapaian sesuatu matlamat (Ma'rof Redzuan & Haslinda, 2002).





Terdapat pelbagai teori yang menerangkan perkaitan di antara aspek motivasi dengan faktor-faktor yang mendorong tindakan atau tingkah laku seseorang manusia. Menurut Weiner (1992), motivasi berupaya mendorong pilihan tingkah laku yang perlu dibuat oleh seseorang manusia. Proses motivasi bermula dengan lahirnya keinginan atau wujudnya keperluan dalam diri seseorang manusia. Keinginan dan keperluan yang wujud dalam diri seseorang mendorong untuk bertindak bagi memenuhi keperluan tersebut (Weiner, 1992).

Menurut Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), motivasi dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif. Insentif merupakan galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya. Manakala, motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan semula jadi atau minat yang diperolehi daripada kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku.

Sementara itu, motivasi turut ditakrifkan sebagai penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (H.W Benard, 1965). Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan definisi motivasi sebagai suatu usaha gerakan tindakan atau tingkah laku seseorang yang berorientasi kepada sesuatu matlamat yang disasarkan.

1.9.2 Cerpen

Istilah cerpen bukanlah sesuatu yang baharu dalam bidang kesasteraan Tamil. Cerpen atau cerpen pendek adalah lanjutan dan perluasan tradisi cerita dalam puisi tradisional





(*Cheyyul*) dalam sastera Tamil yang kian lama sedia ada. Puisi-puisi tradisional ini memerihalkan kehidupan masyarakat. Nilai-nilai yang perlu ada pada diri seseorang pemerintah, rakyat jelata dalam kehidupan seharian dikategorikan kepada dua bahagian. Amalan kehidupan melibatkan dunia luar dinamakan *Pura Valkhai* dan selain itu dinamakan *Aga Valkhai* (Agilan, 2002). Peredaran masa membawa perubahan dan membentuk keperluan kepada bentuk cerpen dalam kesusasteraan Tamil.

Agilan (2002), dalam bukunya menyatakan cerpen mempunyai batasannya sendiri dalam bentuk dan rupa. Cerpen memiliki watak, plot, latar yang terhad. Hampir kesemua cerpen ditulis berdasarkan unsur-unsur intrinsik terpilih yang tidak membincangkan secara kompleks. Secara jelasnya cerpen bersifat mengetengahkan satu kejadian, satu isu kehidupan mahupun menceritakan perilaku sesuatu watak dalam



Sementara itu, Puthumai Pitthan (2002), perihalkan cerpen adalah satu bentuk sastera orang barat. Isu yang diketengahkan oleh karyawan akan menentukan sesuatu cerpen. Oleh itu, cerpen haruslah membincangkan satu isu pada masa. Puthumai Pitthan turut membincangkan batasan sesebuah cerpen. Menurut beliau, cerpen membincangkan keluasan sesebuah cerpen adalah pandangan ke dalam sebuah rumah melalui satu tingkap yang kecil.

Pelbagai definisi dan pengertian telah dikemukakan oleh karyawan dan sasterawan terhadap cerpen. Pengkaji akan menggunakan istilah cerpen sebagai genre sastera yang mengetengahkan satu kejadian, satu masalah yang dihadapi oleh





masyarakat, individu, memaparkan perilaku dan perwatakan watak dalam satu-satu karya cerpen.

1.9.3 Keperluan Hidup

Keperluan didefinisikan sebagai tuntutan utama manusia untuk menjalani kehidupan yang sihat. Keperluan ini terdiri daripada keperluan untuk bertahan hidup, keperluan sosial dan keperluan perkembangan diri yang penting untuk seseorang untuk meneruskan kehidupan. Pada awalnya ketika manusia menjalani kehidupan primitif, keperluan itu berkisar pada makanan, pakaian dan tempat tinggal. Ketiga-tiga komponen ini dikenali sebagai keperluan asas yang menjamin kesejahteraan hidup manusia. Namun, mengikut peredaran masa, keperluan pendidikan dan penjagaan kesihatan juga dianggap penting kerana membantu meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, aspek keperluan ini menjadi keperluan utama atau asas untuk menjalani kehidupan yang sihat dan selamat. Keperluan juga adalah sesuatu yang mestи dipenuhi untuk manusia terus hidup.

Teori ERG, *Existence, Relatednes, and Growth* ini dikemukakan oleh Clayton P. Alderfer. Teori Alderfer menyatakan bahawa terdapat 3 keperluan manusia yang perlu dipuaskan sebagai sumber motivasi.





1.9.4 *Existence*

Dalam kajian ini, frasa *Existence* akan didefinisikan sebagai Keperluan bertahan hidup disepanjang kajian ini. Antara keperluan bertahan hidup adalah keperluan untuk makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan rasa aman. Keperluan bertahan hidup merupakan keperluan asas untuk seseorang individu.

1.9.5 *Relatedness*

Dalam kajian ini, frasa *Relatedness* akan didefinisikan sebagai Keperluan sosial disepanjang kajian ini. Antara keperluan sosial adalah keperluan untuk berkeluarga, mempunyai sahabat handai, hubungan intim, interaksi sosial, penghargaan diri dan penghargaan orang lain.

1.9.6 *Growth*

Dalam kajian ini, frasa *Growth* akan didefinisikan sebagai keperluan perkembangan diri dan keperluan untuk berkembang adalah keinginan intrinsik dalam diri seseorang untuk maju atau meningkatkan kemampuan peribadinya.

Keperluan-keperluan ini yang dipendekkan menjadi *ERG*, keperluan-keperluan ini bergerak secara berterusan dan saling berhubung antara satu sama lain. Keperluan bertahan hidup jika telah dipenuhi akan mendorong seseorang untuk bergerak ke





keperluan untuk sosial. Keperluan sosial jika telah dipenuhi akan mendorong seseorang untuk memenuhi keperluan lain untuk berkembang. Sebaliknya apa-apa yang menghalang motivasi akan menyebabkan seseorang akan kekal di tahap keperluan itu atau turun ke tahap keperluan selangkah ke bawah.

1.10 Kesimpulan

Cerpen menceritakan pengalaman dan harapan penulis. Cerpen berkongsi jatuh bangun suatu bangsa dari kaca mata penulis. Cerpen sentiasa mempunyai tempat dalam setiap individu. Ia bukan sahaja sebagai pengisi masa lapang malah membina semangat baharu dalam diri pembaca. Bagi pengarang pula, cerpen merupakan reaksinya terhadap permasalahan yang telah dipertimbangkannya. Oleh yang demikian pemikiran serta hasrat pengarang diterima umum. Daya fikir pengarang sentiasa merangkumi hujah, kritikan serta harapannya kepada masyarakat.

Kajian ‘Unsur Motivasi Memenuhi Keperluan Hidup dalam Kumpulan Cerpen P. Santhiagu merupakan kajian yang akan membincangkan usaha-usaha yang dipamerkan oleh watak dalam menghadapi cabaran hidup dan memenuhi keperluan hidup dengan adanya motivasi kendiri. Bagi memastikan kajian ini berada pada landasan yang ditetapkan, objektif kajian, persoalan kajian, sumber kajian dan batasan kajian diperincikan secara tepat. Kajian turut dirancang secara sistematik bertujuan mencapai hasil yang tulen.

